



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

KENYATAAN MEDIA

PENGLIBATAN RAKYAT LABUAN MEMASTIKAN KEBERKESANAN RANCANGAN STRUKTUR LABUAN 2040

Pada hari ini, saya telah melancarkan Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi Laporan Rancangan Struktur Labuan 2040. Laporan Rancangan Struktur Labuan 2040 ini akan menjadi dokumen penting yang menggariskan pelbagai cadangan dasar pembangunan berkaitan perancangan fizikal, ekonomi, alam sekitar dan sosial di Wilayah Persekutuan Labuan. Antara fokus laporan ini adalah menetapkan visi pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan serta gambar rajah utama yang memberi gambaran pembangunan fizikal menjelang tahun 2040.

Bagi melengkapkan laporan ini, Perbadanan Labuan dan PLANMalaysia akan mengadakan sekurang-kurangnya sembilan (9) program *outreach* yang melibatkan pemegang-pemegang taruh bagi menerangkan Rancangan Struktur Labuan 2040 ini dan mengumpul sebanyak mungkin pandangan dan hasrat daripada rakyat Wilayah Persekutuan Labuan bermula hari ini sehingga 29 Februari 2024. Pendekatan berunsur *bottom-up* ini akan membolehkan Wilayah Persekutuan Labuan dibangunkan mengikut keperluan dan kehendak rakyat di sini. Pandangan dan penglibatan rakyat ini amat penting agar Rancangan Struktur Labuan 2040 ini menjadi lebih komprehensif dan mampan.

Saya menyeru agar warga Wilayah Persekutuan Labuan mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan hasrat dan inspirasi untuk dipertimbangkan bagi menambah baik laporan tersebut melalui saluran yang disediakan oleh Perbadanan Labuan. Maklum balas dan cadangan dari rakyat Wilayah Persekutuan Labuan amat diharapkan demi membantu pihak Kerajaan untuk memastikan pembangunan fizikal, ekonomi, alam sekitar dan sosial Wilayah Persekutuan Labuan setara dengan pembangunan negeri-negeri lain.

Selepas kesemua proses pandangan awam ini diselesaikan, laporan ini akan dibentangkan semula kepada saya sebelum digazetkan selewat-lewatnya sebelum tamat suku kedua tahun 2024.

DR. ZALIHA MUSTAFA

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)

13 JANUARI 2024